



اَوْنَبُوْرَسِيْتِي تِي كُونُوْرَجِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Fakulti
Pengurusan
dan Perniagaan

FBM

Newspaper highlight 2021

August



2 August
2021

Lengkap imunisasi bukan 'lesen' bebas COVID-19



Pensyarah Kanan
Jabatan Teknologi
dan Pengajian
Rantaian Bekalan,
Fakulti Pengurusan
dan Perniagaan
Universiti Teknologi
MARA (UITM)
Kampus
Puncak Alam

Oleh Dr Mohd Hafiz Zulfakar
bhrencana@bh.com.my

Statistik menunjukkan momentum rancak dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK). Namun, ia bukan lesen untuk kita cepat berpuas hati.

Statistik Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) memaparkan keseluruhan mereka yang mendaftar untuk vaksinasi sudah mencecah 20 juta. Ia masih jauh daripada angka populasi Malaysia seramai 32.75 juta pada suku pertama tahun ini.

Untuk memperkasa imuniti kelompok, kerajaan menyasarkan untuk mencapai 80 peratus penduduk mendapat sekurang-kurangnya satu dos menjelang suku keempat tahun ini.

Ketika ini, ramai mula berkira-kira merancang apa yang mereka hajati selepas lengkap dua dos vaksin. Ketika kerajaan menyuarakan cadangan memberi kelonggaran prosedur operasi standard (SOP) kepada mereka yang sudah lengkap dos vaksin sebagai insentif, ramai seperti tidak sabar menunggu.

Antara ditunggu termasuk kebenaran rentas daerah atau negeri bagi tujuan kekeluargaan, berlibur,

makan di restoran dan membeli-belah.

Tidak dinafikan kelonggaran SOP boleh merangsang sektor ekonomi khususnya pelancongan dan peruncitan.

Singapura dan Thailand sendiri pun memberi kelonggaran baru-baru ini saja. Itu pun selepas dua pertiga populasi mereka menerima vaksinasi sekurang-kurangnya satu dos.

Kita perlu ingat, bukan bermaksud selepas lengkap dua dos vaksin kita kebal daripada dijangkiti. Seseorang yang sudah divaksin masih boleh dijangkiti virus ini, tetapi hanya mengalami simptom ringan. Tambahan, kita masih boleh menjangkiti mereka yang belum divaksin.

Dalam mengharapkan kelonggaran, pelbagai persoalan perlu dipertimbangkan.

Adakah kita sudah cukup mempunyai disiplin sendiri sekiranya kelonggaran SOP diberikan? Mampukah kita mengawal perasaan dan kehendak terpendam selama ini?

Keputusan melonggarkan SOP perlu mengambil kira semua aspek, data dan risiko.

Ia tidak boleh dilakukan terburu-buru atas dasar desakan rakyat serta kadar vaksinasi sudah tinggi.

Harus diingat, keadaan semasa masih membimbangkan. Jumlah kes positif harian serta kadar nilai kebolehhangkitan atau R-naught (Rt) semasa masih tinggi.

Ia bukan petanda yang baik, ditambah kadar penggunaan katil dan wad di unit rawatan rapi (ICU) yang

sudah melebihi kapasiti sepatutnya.

Timbul juga kerisauan jika ada golongan yang masih belum mendapat vaksinasi cuba menanggung di air keruh.

Kemunculan varian baharu seperti varian Delta dan Lambda juga perlu diambil kira.

Dengan melonggarkan SOP, risiko penyebaran varian baharu ini secara sporadik akan bertambah jika masyarakat mula berkumpul di tempat awam seperti di pusat beli-belah dan kedai makan.

Harus diingat, golongan bawah umur, iaitu kanak-kanak dan bayi masih belum lagi dibenarkan mengambil vaksin untuk virus ini. Mereka masih berisiko tinggi dan akan lebih terkesan sekiranya dijangkiti.

Jumlah golongan belia atau dewasa muda yang dirawat di hospital menunjukkan peningkatan akhir-akhir ini.

Ini seharusnya membimbangkan kerana golongan ini yang dijangka menggunakan sepenuhnya jika kelonggaran SOP dibenarkan kelak.

Jumlah kumulatif jangkitan COVID-19 negara yang sudah melangkaui sejuta kes dan mengorbankan lebih 8,000 nyawa adalah indikator bahawa kita masih belum menang dalam perjuangan melawan wabak ini.

Usaha mencapai imuniti kelompok tanggungjawab semua. Lengkap vaksinasi hanya satu usaha pelindung, bukannya kunci kebebasan dan kemenangan mutlak.

7 August
2021

Usaha Malaysia atasi monopoli vaksin memacu proses PPN



Pensyarah Kanan
Jabatan Ekonomi
dan Pengajian
Kewangan, Fakulti
Pengurusan dan
Perniagaan,
Universiti Teknologi
MARA (UITM)
Puncak Alam

Oleh Dr Mohd Rahim Khamis
bhrencana@bh.com.my

Khamis lalu, mesyuarat pertama Forum Antarabangsa Kerjasama Vaksin secara maya dijalankan di mana Kerajaan Malaysia diwakili Menteri Kanan Luar Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, membawa isu monopoli vaksin dan penekanan kepentingan pengagihan vaksin secara saksama.

Media melaporkan kerajaan menegaskan keperluan segera semua negara mendapat akses bagi perolehan vaksin kerana ia kaedah terbaik menangani pandemik ini.

Forum itu juga memberi penekanan kepada usaha peningkatan kapasiti pengeluaran vaksin dan kerjasama teknologi vaksin supaya lebih mudah diperoleh pada harga berpatutan oleh negara membangun.

Ini membuktikan akses kepada perolehan vaksin satu isu yang perlu diberi perhatian serius dan tindakan segera oleh mereka yang berwajib.

Sebelum ini, Malaysia mengalami isu ketidakcukupan vaksin di mana kadar vaksinasi kepada rakyat masih perlahan, walaupun banyak Pusat Pemberian Vaksin (PPV) dibuka. Senario ini dinyatakan sendiri Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin.

Persoalannya, adakah isu ini disebabkan monopoli vaksin oleh negara maju seperti negara di Eropah dan Amerika Utara, hinggakan kurangnya jumlah vaksin diperoleh negara membangun seperti Malaysia.

Jika diamati situasi global terkini, sememangnya wujud monopoli vaksin dan ketidakseimbangan pengagihan vaksin antara negara maju, membangun dan dunia ketiga. Malaysia tidak terkecuali menerima tempas.

Khairy sendiri menyatakan, faktor utama perlu dilihat adalah sikap negara maju yang memonopoli pembelian vaksin hingga menjejaskan rantai bekalan vaksin pada peringkat dunia.

Apabila negara maju memonopoli proses pembelian dan pengagihan vaksin pada peringkat global, ketidakseimbangan pengagihan berlaku. Kesan dapat dilihat adalah negara membangun dan dunia ketiga menghadapi satu tekanan dalam memperoleh vaksin.

Faktor ini diperkuatkan lagi dengan kenyataan Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Tedros Adhanom Ghebreyesus, yang menegaskan pengedaran vaksin tidak seimbang antara negara kaya dan miskin boleh menyukarkan

proses untuk menamatkan pandemik COVID-19.

Dalam pada itu, ketidakseimbangan pengagihan vaksin boleh mengakibatkan negara maju dengan mudah memperoleh vaksin berbanding negara miskin. Akhirnya ia memberi satu tekanan hebat kepada kerajaan di negara terbabit dalam menangani pandemik COVID-19.

Apa boleh dilakukan Malaysia dalam menangani isu monopoli vaksin ialah dengan meningkatkan pengeluaran vaksin dikendalikan syarikat tempatan seperti Pharmaniaga LifeScience Sdn Bhd (PLS). Syarikat milik penuh Pharmaniaga itu adalah pengedar tunggal vaksin jenama Sinovac di Malaysia.

Kerjasama antara Malaysia dan China, terutama dalam aspek penghasilan vaksin COVID-19 secara *fill and finish* juga perlu dilakukan.

Usaha berterusan ini bukan sahaja bagi mengatasi pandemik COVID-19, tetapi juga akan memacu perjalanan proses Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Dalam pada itu, pembangunan vaksin juga dilakukan kerajaan menerusi kerjasama Institut Kajian Perubatan (IMR) dengan Universiti Putra Malaysia (UPM). Dengan adanya kerjasama ini, diharapkan dapat membantu pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan serta pencapaian imuniti kelompok dengan segera.

Semoga semua usaha dilaksanakan kerajaan dengan kerjasama pelbagai pihak akan dapat mengurangkan kebergantungan vaksin kepada negara pengeluar.

Solusi terbaik untuk keluar daripada krisis pandemik COVID-19, selain daripada pematuhan prosedur operasi standard (SOP) sedia ada adalah proses vaksinasi yang dijalankan.

Semoga usaha dijalankan kerajaan di samping sokongan masyarakat membolehkan Malaysia bebas daripada pandemik dan mengembalikan kehidupan masyarakat seperti sedia kala.



10 August
2021

Jujur gunakan kit ujian sendiri COVID-19



Pensyarah Kanan
Jabatan Teknologi
dan Pengajian
Rantalan Bekalan,
Fakulti Pengurusan
dan Perniagaan,
Universiti Teknologi
MARA (UITM)
Kampus
Puncak Alam

Oleh Dr Mohd Hafiz Zulfakar
bhrencana@bh.com.my

Ketika ini terdapat enam jenis kit ujian sendiri COVID-19 yang mendapat perakuan dan kelulusan bersyarat Kementerian Kesihatan (KKM) menerusi Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA).

Ini termasuk juga kit ujian Salixium, produk pertama keluaran syarikat tempatan Malaysia. Semua kit ini boleh diperolehi secara terbuka di klinik kerajaan, farmasi berdaftar mahupun dalam talian.

Kit ini mudah digunakan kerana hanya memerlukan sampel air liur. Ia mampu dilakukan sendiri individu, dengan keputusan diperolehi cepat selepas 10 hingga 15 minit.


Ia amat sesuai untuk menyemak sama ada diri dijangkiti virus COVID-19, termasuk sekiranya mempunyai kontak dengan individu kes positif, dengan ketepatan hasil 100 peratus. Ia juga berguna untuk saringan awal sebelum ke mana-mana klinik atau fasiliti kesihatan bagi tujuan saringan selanjutnya.

Selain itu, keputusan pantas diperolehi juga berguna bagi saringan tertentu kelak seperti di pintu masuk antarabangsa, rentas negeri, pra pekerjaan dan pra kemasukan ke institusi pengajian tinggi (IPT).

Garis panduan penggunaan dan pengendalian kit ujian dikeluarkan KKM. Ia termasuk arahan me-

merlukan individu melakukan sendiri ujian ini haruslah melaporkan keputusan yang diterima. Keputusan ujian baik positif, negatif atau *invalid* (tidak sah) haruslah dikemas kini dalam aplikasi MySejahtera.

Mereka yang disahkan positif harus tahu apa langkah seterusnya seperti dinyatakan dalam prosedur operasi standard (SOP). Ini termasuk prosedur kuarantin diri, mendapatkan gelang merah



Kit ujian sendiri COVID-19 inisiatif awal mengesan dan mencegah penularan virus. (Foto hiasan)

jambu serta menjalani rawatan diperlukan.

Namun, sejauh mana mereka yang mendapat keputusan positif ini berani dan jujur tampil menghubungi KKM untuk memaklumkan status mereka ini.

Walaupun pengguna kit ini wajib bertanggungjawab melaporkan keputusan sebenar, ia tidak menghalang mereka berbuat sebaliknya. Ada risiko kemungkinan pengguna cuba menyembunyikan keputusan positif dengan hanya melakukan kuarantin sendiri, khususnya yang tiada gejala.

Ada pula risiko kontak rapat yang mendapat keputusan negatif, tetapi masih keluar rumah seperti biasa, walhal sepatutnya perlu juga menjalani kuarantin.

Lihat sahaja sebelum ini, ada yang diarahkan menjalani kuarantin sendiri di rumah, tetapi melanggar arahan terbabit. Ada pula yang lambat melaporkan perubahan keadaan kesihatan kepada pihak berkaitan.

Justeru, sifat jujur dan kebertanggungjawab dalam penggunaan kit ini amat kritikal. Ia demi melindungi masyarakat awam lain daripada terdedah jangkitan tanpa disedari, sekiranya pengguna ini tidak mengambil langkah sepatutnya.

Realitinya, kit ujian sendiri saringan COVID-19 boleh dijadikan inisiatif awal untuk lapisan pertama pertahanan diri di kala berjuang menentang virus ini.

Jika tidak sihat atau mempunyai gejala, kit ini akan menyediakan solusi terbaik tanpa perlu terus keluar ke klinik sambil membahayakan orang di luar.

14 August
2021

Ekonomi rakyat bergantung peralihan fasa PPN

Oleh Dr Mohd Rahim Khamis
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan
Jabatan Ekonomi dan
Pengajian
Kewangan, Fakulti
Pengurusan dan
Perniagaan,
Universiti Teknologi
MARA (UiTM)
Puncak Alam

Pandemik COVID-19 memberi kesan besar ke atas pendapatan isi rumah hingga menyebabkan peralihan kumpulan isi rumah di negara ini.

Secara umumnya, kumpulan isi rumah dikategorikan kepada tiga, iaitu B40 merujuk kepada purata bulanan pendapatan isi rumah di bawah RM4,850; M40 (RM4,851 hingga RM10,970) dan T20 (RM10,971 dan ke atas).

Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia merekodkan purata pendapatan isi rumah kasar mengalami kemerosotan sebanyak 10.3 peratus pada 2020, iaitu daripada RM7,089 berbanding RM7,901 (2019). Kesannya, peralihan kumpulan isi rumah, iaitu daripada M40 kepada B40, manakala T20

kepada M40.

Menurut Laporan Anggaran Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan Malaysia 2021, sebanyak 20 peratus kumpulan isi rumah daripada kumpulan M40 beralih kepada B40, manakala 12.8 peratus daripada T20 beralih kepada M40.

Pandemik melanda negara dengan pelbagai sekatan pergerakan dan keterbatasan aktiviti ekonomi menyebabkan ramai mengalami kehilangan atau pengurangan sumber pendapatan.

Ini termasuklah golongan penggiat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang sumber pendapatan mereka bergantung sepenuhnya kepada perniagaan dijalankan.

Apabila kerajaan mengenakan sekatan pergerakan dan mengehadkan aktiviti ekonomi, semestinya mereka menjadi golongan paling terkesan. Sumber pendapatan mereka akan berkurangan, secara langsung memberi kesan kepada pendapatan isi rumah.

Lebih buruk, peralihan kumpulan isi rumah menyebabkan peningkatan jumlah kadar kemiskinan dalam masyarakat.

Senario ini akan memberi tekanan kepada kerajaan dalam menangani isu kemiskinan kerana kadar kemiskinan antara indikator pertumbuhan ekonomi negara.

Persoalannya, bagaimana kita dapat mengatasi situasi ini daripada terus berlaku memandangkan negara masih bergelut dalam menangani pandemik COVID-19?

Berdasarkan Pelan Pemulihan Negara (PPN), aktiviti ekonomi akan dibenarkan beroperasi secara ber-

fasa bergantung kepada tiga indikator ambang utama.

Seandainya ekonomi dapat beroperasi kembali walaupun secara berfasa, ia dapat membantu ramai yang terkesan untuk menjana kembali sumber pendapatan selepas terhenti terutama usahawan PKS.

Bagaimanapun, perlu diberi perhatian Malaysia bukan sahaja berada di ambang proses pemulihan, bahkan aspek sosial juga. Beberapa negeri sudah beralih daripada fasa satu kepada fasa dua dan ada sesetengah negeri ke fasa tiga.

Situasi ini petanda baik kepada ekonomi negara. Apabila peralihan fasa berlaku kepada sesebuah negeri, beberapa aktiviti ekonomi akan dibenarkan beroperasi, seterusnya dapat membantu individu terkesan kembali menjana pendapatan.

Ekonomi dijangka bertambah baik dan pulih sekiranya kita berjaya mengawal dan mengatasi penularan pandemik COVID-19.

Justeru, pelbagai pihak perlu berperanan dalam mengawal dan mengatasi penularan pandemik COVID-19.

Kerjasama dan komitmen ini sangat penting bagi memastikan kita dapat kembali kepada kehidupan seperti sebelum ini, di samping memulihkan pendapatan isi rumah serta membantu pertumbuhan ekonomi negara.

17 August
2021

Langkah strategik 'talian hayat' PKS kekal operasi ketika pandemik



Pensyarah Kanan
di Jabatan Teknologi
dan Pengajian
Rantaian Bekalan,
Fakulti Perniagaan
dan Pengurusan,
Universiti Teknologi
MARA (UITM)

Oleh Dr Ariff Azly Muhamed
bhrencana@bh.com.my

Situasi pandemik memberi kesan langsung kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) hingga memerlukan Pelan Pemulihan Negara (PPN) merangkumi beberapa fasa sebagai langkah strategi keluar khususnya pembukaan sektor industri secara berperingkat.

Semalam, 11 aktiviti ekonomi dalam sektor perdagangan dan pengedaran dibenarkan kembali beroperasi di negeri yang masih berada dalam Fasa Satu PPN dengan syarat mencapai sekurang-kurangnya 50 peratus vaksinasi lengkap kepada populasi dewasa.

Bagaimanapun, majoriti sektor PKS masih bergelut susulan kesan pandemik yang mengubah pola ekonomi dan pasaran tempatan. Oleh itu, dua langkah strategik perlu diberi perhatian pengusaha sebagai talian hayat untuk terus kekal beroperasi.

Rata-rata PKS berdepan kekangan sama seperti masalah sumber kewangan, kepakaran terhadap teknologi dan persaingan. Namun, sektor PKS merangkumi lebih 90 peratus syarikat berdaftar, sekali gus menjadi tulang belakang ekonomi.

PKS juga menyediakan sebahagian besar peluang pekerjaan, pencetus inovasi dan lambang keusahawanan, selain penyokong dan rakan strategik syarikat besar.

Pemasaran strategik menjadi pendekatan utama perlu diberi perhatian PKS. Pemasaran strategik mampu dilaksanakan melalui tiga komponen, iaitu risikan pasaran, perkongsian pasaran dan responsif terhadap pelanggan.

Risikan pasaran penting dilaksanakan, terutama industri pengeluar produk keperluan harian serta asas seperti makanan dan minuman, kosmetik dan bahan mentah. PKS perlu sentiasa cakna kehendak semasa pelanggan.

Contohnya, sewaktu Fasa Satu dan Dua PPN, pengguna lebih banyak berada di rumah susulan sistem bekerja dari rumah dan aktiviti luaran terhad.

Oleh itu, PKS perlu melihatnya sebagai peluang menawarkan perkhidmatan penghantaran terus produk ke rumah dengan caj minimum atau percuma untuk menarik perhatian pengguna kerana menjimatkan masa dan tidak perlu bersesak di luar rumah.

Perkongsian pasaran juga strategi terbaik kepada PKS untuk kekal berdaya saing sewaktu pandemik melalui perkongsian strategik dua syarikat dalam membekalkan produk.

Contohnya, pengusaha makanan dan minuman boleh melakukan penyumberluaran perkhidmatan pembungkusan serta penghantaran kepada PKS lain.

Ini akan membantu usahawan memfokuskan kualiti produk dan menjimatkan modal operasi atau kos bahan mentah. Kita sering melihat syarikat penghantaran barangan bekerjasama

dalam sesuatu keadaan, tetapi bersaing dan kompetitif dalam keadaan lain.

Bagi kawasan tertentu mempunyai penghantaran kecil atau pasaran rendah untuk sesuatu masa umpamanya, syarikat penghantaran akan berkongsi dan memberi ruang kepada syarikat lain lebih dominan di sesuatu kawasan tertentu untuk mengambil alih dan menyempurnakan penghantaran. Ini memberi situasi perkongsian 'menang-menang'.

Konteks responsif terhadap kehendak dan aduan pelanggan pula, mampu membantu usahawan PKS berdaya saing pada peringkat tempatan dan global.

Ini dapat diterjemahkan apabila kehendak pelanggan sewaktu penularan pandemik berubah 180 darjah kerana sebelum pandemik, pengguna cenderung melakukan transaksi tunai, tetapi kini berubah kepada transaksi tanpa tunai atau dalam talian.

Dalam memperkasa PKS, selain sokongan padu sektor kewangan dan perbankan, rantaian bekalan berperanan mengukuhkan kecekapan dan kecepatan operasi sewaktu penularan pandemik.

Ia perlu diberi perhatian oleh PKS supaya proses pengurusan rantaian bekalan tidak terganggu. Komitmen antara syarikat terbabit dalam rantaian bekalan penting untuk memastikan orientasi strategik rantaian bekalan PKS terjamin.

Perkara ini mampu dicapai apabila dua atau lebih syarikat PKS terbabit dalam rantaian bekalan, memahami secara selari keperluan operasi dan sasaran pasaran.

Oleh itu, PKS perlu memberi perhatian sewajarnya untuk memilih rakan strategik bagi mencapai kecekapan optimum.

Memperkasa sektor PKS sewaktu PPN menjadi tanggungjawab bersama antara syarikat sektor berkenaan dan kerajaan. Justeru, pelan pemulihan strategik PKS perlu dirangka secara kolektif membabitkan semua pemegang taruh untuk menjamin kelestarian serta kelangsungannya.



Pemasaran strategik menjadi pendekatan utama perlu diberi perhatian PKS. (Foto hiasan)

**THANK
YOU**

to all news writers

**From: FBM Corporate
communication team**